

21/01/2003

PM tiba di Lubnan untuk lawatan kerja

Mior Kamarul Shahid

BEIRUT, (Lubnan): Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini semalam untuk memulakan lawatan kerja dua hari yang antara lain untuk membincang pelaksanaan pembangunan semula Lubnan membabitkan pakej bantuan Malaysia.

Ketibaan Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di pangkalan tentera udara Lapangan Terbang Antarabangsa Beirut kira-kira jam 12 tengah hari waktu tempatan (6 petang waktu Malaysia) disambut oleh Perdana Menteri Lubnan, Rafic Hariri dan isteri serta pemimpin dan pegawai kanan Republik Lubnan.

Sebaik lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan, Dr Mahathir dan Hariri memeriksa kawalan kehormat dan kemudian diperkenalkan kepada orang kenamaan dan pegawai kanan kerajaan.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah kemudian berlepas ke Istana Koraytem dengan kereta yang dipandu sendiri oleh Hariri.

Tengah hari ini, Dr Mahathir dan Hariri mengadakan pertemuan empat mata sebelum disertai delegasi kedua-dua negara. Kedua-dua pemimpin juga menyaksikan upacara menandatangani dua perjanjian - perjanjian mengenai pengelakan cukai berganda dan memorandum persefahaman mengenai projek air dan air buangan.

Pada Persidangan Paris II di Paris, November tahun lalu, Malaysia menawarkan pinjaman RM1.145 bilion (AS\$300 juta) bagi pembangunan semula Lubnan, jumlah ketiga terbesar berbanding negara penyumbang yang lain.

Arab Saudi memberi RM2.56 bilion (AS\$700 juta) manakala Perancis RM1.9 bilion (AS\$500 juta).

Pada Persidangan Paris II itu, Dr Mahathir dan Hariri berbincang mengenai pelbagai aspek kerjasama termasuk bantuan teknikal, teknologi maklumat dan pelancongan yang boleh disumbangkan oleh Malaysia kepada Lubnan.

Lubnan yang menghadapi peperangan saudara selama 15 tahun dan pencerobohan Israel kini dalam proses pembangunan semula yang pesat.

Lubnan mempunyai beban hutang pada kadar 140 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Sebanyak 80 peratus daripada pendapatan negara digunakan untuk membayar hutang.

Antara delegasi Malaysia ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, Duta Malaysia ke Lubnan, Datuk Abu Bakar Daud, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Dr Samsudin Hitam, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dan Presiden merangkap Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Hassan Merican.

Sebelum menghadiri jamuan malam di sini, Dr Mahathir dan isteri mengadakan pertemuan dengan Presiden Lubnan, Emile Lahoud di Istana

Presiden di mana beliau menyampaikan anugerah tertinggi negara, National Order of the Cedar (Grand Cordon) kepada Perdana Menteri.

Esok, Dr Mahathir akan melawat kawasan pembangunan semula di sekitar Beirut. Beliau juga akan menghadiri dialog Majlis Perniagaan Islam di sini.